

03/06/1997

Pisa perlu disiapkan awal Julai ini

GEORGETOWN, Isnin - Kompleks Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (Pisa) bernilai RM114 juta di Relau dekat sini, perlu disiapkan selewat-lewatnya awal Julai ini bagi memudahkan proses pengubahsuaian sempena Festival Filem & TV Asia Timur, akhir Ogos ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian dan Pembangunan Wanita Negeri, Datuk Kee Phaik Cheen berkata pembinaan pusat sukan serbaguna dan pusat akuatik di Pisa perlu dipercepatkan untuk diserahkan kepada pemiliknya, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sebelum diubahsuai untuk malam gala festival itu.

Menurutnya, sehingga kini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan kehadirannya pada majlis penyampaian Anugerah Mutiara Pulau Pinang pada 2 September ini.

"Promosi untuk menarik minat negara luar bagi menyertai festival berkenaan tidak dapat dilakukan ketika berada di Cannes, Perancis bagi menghadiri festival filem di sana kerana bimbang Pisa tidak dapat disiapkan pada masa yang ditetapkan," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN), di sini, hari ini.

(END)